

25 MAY 2003

Mahathir-Antartika

DR MAHATHIR MAHU LIHAT RAKYAT M'SIA RENTASI ANTARTIKA

LANGKAWI, 25 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetap menyimpan impian suatu hari kelak ada rakyat negara ini yang mampu merentasi benua sejuk Antartika dengan berjalan kaki sebagai membuktikan kesungguhan mereka menghadapi risiko dan cabaran.

Merentasi benua itu adalah satu cabaran yang sememangnya amat sukar bagi penduduk bercuaca panas seperti Malaysia, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata sejak beliau mencadangkan perkara itu beberapa tahun lepas, belum ada lagi yang berani tampil menyahut cabaran berkenaan mungkin kerana memikirkan risiko tinggi yang bakal dihadapi.

"Saya dahulu cadangkan rakyat Malaysia merentasi Antartika dengan berjalan kaki, walaupun kita datang dari kawasan yang panas ini tak bermakna kita tidak boleh atasi kesejukan," katanya kepada pemberita selepas majlis menyambut ketibaan perenang Abdul Malik Mydin yang berjaya menamatkan cabaran berenang Kuala Perlis-Pulau Langkawi di Dataran Lang, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata merentasi Antartika itu sememangnya berisiko tinggi tetapi risiko itu haruslah ditangani dengan bijak dan jangan bersikap "menyerah kalah sebelum bersaing".

"Memang untuk melaksanakannya sangat bahaya, tetapi bahaya ada di mana sahaja..... macam memandu kereta juga ada risiko boleh jadi kemalangan dan mengakibatkan kematian," katanya.

Ditanya mengenai satu perkara lain tentang pembayaran bonus kakitangan swasta, Dr Mahathir berkata terpulang kepada sektor swasta sama ada mahu mengikut langkah kerajaan membayar bonus kepada kakitangan.

"Kita tak boleh paksa swasta bayar bonus kerana kita tahu perniagaan sedang merosot tetapi sekiranya mereka mampu apa salahnya memberi imbuhan kepada pekerja," katanya.

Pembayaran bonus setengah bulan gaji untuk kakitangan awam yang diumumkan Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan Rabu lepas, merupakan antara langkah kerajaan merangsang ekonomi negara.

-- BERNAMA

MZM RON